



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
ISNIN 17 JULAI 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KPKM SASAR LAKSANA DI 5,000 LOKASI, LOKAL, HM -10	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	AGRO MADANI SALES TO BE EXPANDED, WITH RM39m TARGET, NATION, THE STAR -12	
3.	AGRO MADANI SALE TO BE HELD AT 5,000 SITES, NEWS, THE SUN -4	
4.	NEW INITIATIVE TO BOOST PADI YIELD, NEWS, THE STAR -2	
5.	TIGA DAH 'HILANG' TINGGAL SATU SPESIES, MUKA DEPAN, SH -1	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
6.	TIGA SPESIES DI AMBANG KEPUPUSAN, NASIONAL, SH -2	
7.	NELAYAN ASING KELAR LEHER PENYU TERSANGKUT PUKAT, NASIONAL, SH -2	
8.	PLASTIK WARNA HITAM ANCAM PENYU JANTAN, NASIONAL, SH -3	
9.	PENIAGA DEGIL JUAL TELUR PENYU SOROK-SOROK, NASIONAL, SH -3	
10.	BUAT KAJIAN TINGKAT HINGGA 400 BIJI PADI SETANGKAI, DALAM NEGERI, UM -10	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
11.	PLATFORM USAHAWAN DESA PASARKAN PRODUK, LOKAL, HM -19	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

17/7/2023 HARIAN LOKAL 10

METRO

## JUALAN AGRO MADANI

# KPKM sasar laksana di 5,000 lokasi

**Georgetown:** Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) mensasarkan pelaksanaan jualan Agro Madani di 5,000 lokasi di seluruh negara membabitkan nilai jualan sebanyak RM39 juta pada tahun ini.

Menurutnya, Datuk Seri Mohamed Sabu berkata, pihaknya turut menyasarkan penyertaan 46,000 usahawan di seluruh negara. Katanya, ia susulan kepada program itu yang mencatat nilai jualan RM17.7 juta selepas ia diadakan di 643 lokasi hingga 9 Julai lalu membabitkan sebanyak 10,143 usahawan dan memberi nilai penjimatan RM5.3 juta kepada 1.28 juta isi rumah.

"Pelaksanaan Jualan Agro Madani ini dilihat sebagai antara program *quick win* KPKM dalam membantu pengeluar memasarkan produk mereka secara terus kepada pengguna dan pada masa sama dapat mengurangkan kos sara hidup rakyat terutama dalam komponen makanan melalui

harga penjimatan yang ditawarkan," katanya di sini, semalam.

Beliau ditemui selepas merasmikan Program Jualan Agro Madani Tanjung di pekarangan Prangin Mall di sini, turut dihadiri Timbalan Menteri Pendidikan yang juga Ahli Parlimen Tanjung, Lim Hui Ying.

Mohamad berkata, fokus

jualan Agro Madani di seluruh negara pada tahun ini adalah untuk menjamin ketersediaan bekalan agromakanan dan memberi pilihan kepada pengguna mendapatkan bekalan agromakanan pada harga yang berpatutan.

Katanya, melalui jualan

itu juga, komoditi jualan di-

perluaskan meliputi produk

segar dan barangan kawalan

dengan penjimatan 10 hingga

30 peratus lebih rendah

berbanding harga pasaran

termasuk sayur, buah-buahan



untuk memperluaskan program jualan itu pada tanah depan bagi memberikan lebih penjimatan kepada pengguna, bukan kita bersaing dengan peniaga di luar tetapi nak bantu isi rumah mendapatkan barang keperluan lebih jimat hingga 30 peratus," katanya.

Menurutnya, melalui program berkenaan, ia membuktikan keprihatinan Kerajaan Perpaduan di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam memastikan nasib golongan yang memerlukan sentiasa terpelihara dalam menghadapi cabaran kos sara hidup yang tinggi.

Program Jualan Agro Madani merupakan penjanaan semula kepada program Jualan Terus Dari Ladang (TTDL) yang dilaksanakan oleh KPKM melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama), Lembaga Pertumbuhan Pelabuhan (LPP) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

MOHAMAD (berbaju merah) menyantuni pengunjung Program Jualan Agro Madani Tanjung di pekarangan Prangin Mall, semalam.

(PPR), kawasan perumahan, lahan, ayam, telur, ikan dan daging.

"Antara fokus lokasi bagi Jualan Agro Madani ini ada-

Projek Perumahan Rakyat

## Agro Madani Sales to be expanded, with RM39m target

**GEORGE TOWN:** Agro Madani Sales will be held in 5,000 locations nationwide with a sales target of RM39mil, says the Agriculture and Food Security Ministry.

It is also targeting the participation of 46,000 entrepreneurs in the programme, said its minister Datuk Seri Mohamad Sabu.

"As at July 9, the programme has generated RM17.7mil in sales after being held in 643 locations across the country involving 10,143 entrepreneurs. It also recorded savings of RM5.3mil involving 1.28 million households."

"Agro Madani Sales is one of the ministry's quick-win programmes that helps traders sell their goods directly to consumers. It can also help reduce people's cost of living through the savings offered," he told reporters after launching the Tanjung Agro Madani Sales programme at Prangin Mall here yesterday.

The event was also attended by Tanjung MP Lim Hui Ying, who is also Deputy Education Minister, Bernama reported.

Mohamad added that the programme will also be held with a focus on ensuring the availability



### Best deals in town:

People snatching up eggs sold at RM13 for two boards at the Agro Madani @ Tanjung Sales programme at Prangin Mall in Penang.

— Bernama

ministry, People's Housing Projects (PPR), residential areas and rural areas are among Agro Madani Sales' target locations.

"The ministry is also planning to expand the sales programme next year to provide more savings to consumers. We are not competing with traders but want to help households get essential goods up to 30% cheaper than in the mar-

ket," he said.

The Agro Madani Sales programme is a rebranding of the Direct Sales from Farm (JTDL) programme implemented by the ministry through the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama), Farmers' Organisation Board (LPP) and Fisheries Development Authority of Malaysia (LKIM).

## Agro Madani sale to be held at 5,000 sites

**GEORGE TOWN:** The Agriculture and Food Security Ministry plans to hold "Agro Madani Sales" in 5,000 locations nationwide, with a sales target of RM39 million.

Its minister Datuk Seri Mohamad Sabu said his ministry is also targeting the participation of 46,000 entrepreneurs in the programme.

"As of July 9, the programme generated RM17.7 million in sales after being held at 643 locations nationwide involving 10,143 entrepreneurs. It also recorded savings of RM5.3 million, involving 1.28 million households.

"Agro Madani Sales is one of the ministry's quick-win programmes that help traders sell their goods directly to consumers. It could also help reduce the people's cost of living through the savings offered," he said after officiating at the Tanjung Agro Madani Sales programme at Prangin Mall yesterday.

The event was also attended by Tanjung MP Lim Hui Ying, who is also education deputy minister.

Mohamad said the Agro Madani Sales programme will focus on ensuring the availability of agro-food supplies and provide consumers with the opportunity to purchase goods at reasonable prices.

He said through the programme, essential items that include fresh produce and controlled goods, will be sold at 10% to 30% less than market prices.

"Government complexes or premises, retail outlets under the ministry, People's Housing Projects, residential and rural areas are among the target locations.

"The ministry is also planning to expand the sales programme next year to provide more savings to consumers. We are not competing with traders but we want to help households get essential goods at up to 30% cheaper," he said.

The Agro Madani Sales programme is a rebranding of the "direct sales from farm" programme implemented by the ministry through the Federal Agricultural Marketing Authority, Farmers' Organisation Board and the Fisheries Development Authority. - Bernama

## New initiative to boost padi yield

**GEORGE TOWN:** The Agriculture and Food Security Ministry is confident that the implementation of a Smart SSB Mini Sekinchan-Bernas Programme would boost local padi production and reduce rice imports.

Its minister Datuk Seri Mohamad Sabu said the programme could increase rice production by between seven tonnes and 10 tonnes per hectare for each harvest compared with about five tonnes previously.

"The pilot project has been carried out in Perlis since May, involving an area of more than 100ha, and harvesting is expected to begin on Sept 2. Based on monitoring and inspection, we found that the crop is growing well and of good quality, like that in Sekinchan, Selangor.

"Perhaps we can get a yield of up to 10 tonnes per hectare and thus increase the income of padi farmers."

He was speaking after officiating at the Jualan Agro Madani Tanjung programme at the Prangin Mall grounds. Also present was Tanjung MP Lim Hui Ying, who is also deputy education minister.

Mohamad said the ministry plans to expand the programme soon to several other states, namely Kedah, Terengganu, Kelantan and Pahang.

He said the programme involves smart farming with modern equipment to increase the quantity and quality of rice yields.

He added that the approach involves a more organised work schedule, supplementary fertilisers and accurate schedule of fertiliser and pesticide application to ensure optimum padi planting efficacy.

Mohamad said Padiberas Nasional Bhd manages the project and acts as a service provider, as well as supervises the use of fertilisers and pesticides according to contract farming with the rice farmers involved.

"We hope that the Malaysian Agricultural Research and Development Institute would produce more padi varieties through the programme."

- Bernama

TARIKH

MEDIA

RUANGAN

MUKA  
SURAT

17/7/2023

SINAR  
HARIAN

MUKA DEPAN

1


POTO: MOHD HAIM ABDUL WAHID

# TIGA DAH 'HILANG' TINGGAL SATU SPESIES

■ Selepas tujuh tahun penyu belimbing gagal membiak di Malaysia, kini negara bakal kehilangan dua lagi spesies penyu iaitu karah dan lipas berikutan penurunan mendadak jumlah pendaratan untuk bertelur.

■ Ia sekali gus meletakkan Malaysia sebagai negara yang hanya akan memiliki satu spesies penyu iaitu penyu agar pada masa akan datang.

■ Tindakan kejam nelayan asing membunuh penyu yang terperangkap dalam pukat selain hakisan pantai, pencemaran sampah sarap, cuaca panas dan perubahan iklim serta haiwan pemangsa antara punca kehadiran penyu di negara ini semakin berkurangan.



Sukarelawan sedang mengukur saiz penyu agar yang mendarat dan bertelur di Pantai Chagar Hutan, Pulau Redang pada 22 Jun lalu.

LAPORAN  
KHAS



Ikuti laporan wartawan Sinar Harian, NILAM NUR ATIKAH OSHPMAN di muka 2 & 3

# Tiga spesies di ambang kepupusan

Ekoran penurunan mendadak jumlah penyu mendarat untuk bertelur

Oleh NILAM NUR ATIKAH OSHMAN  
KUALA TERENGGANU

**S**elepas tujuh tahun penyu belimbing gagal membiak di Malaysia, kini negara bakal 'kehilangan' dua lagi spesies penyu iaitu karah dan lipas berikutan penurunan mendadak jumlah pendaratan haiwan itu untuk bertelur.

Dengan perkembangan semasa itu, dibimbangi pada masa akan datang negara hanya akan tinggal satu jenis penyu sahaja iaitu spesies agar pada masa akan datang.

Antara faktor yang akan menyebabkan kepupusan penyu dinegara ini ialah hakisan pantai, pencemaran sampan sarap, cuaca panas dan perubahan iklim serta haiwan pemangsa, termasuk tindakan kejam nelayan asing yang membunuh penyu yang terperangkap dalam pukat turut menjadi ancaman besar kepada spesies tersebut.

Wartawan *Sinar Harian* yang mengikuti ekspedisi penyelidikan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) ke Unit Penyelidikan Penyu Laut (Seaturu) Chagar Hutang di Pulau Redang mendapat lebih 200 sarang penyu agar dihasilkan sejak dua bulan lalu di pantai berkenaan dan menetas dalam tempoh 45 hingga 70 hari.

Bagaimanapun, pemerhatian terhadap pendaratan 10 induk penyu untuk bertelur pada sebelah malam di pusat penyelidikan itu mendapat hanya melibatkan spesies agar sahaja tanpa ada sebarang tanda kehadiran penyu karah dan lipas.

Situasi itu membuktikan dua spesies tersebut semakin sukar ditemukan.



MOHD UZAIR

Menurut Ketua Makmal Penyelidikan Luar, Institut Oseanografi dan Sekitaran UMT, Profesor Madya Dr Mohd Uzair Rusli, meskipun penyu belimbing, karah dan lipas belum disiyarkan pupus namun negara berisiko tinggi untuk hilang sepenuhnya spesies tersebut.

"Pada tahun 2018, kita menjangka bilangan penyu yang akan mendarat dan bertelur merosot secara drastik dalam tempoh 10 tahun lagi menjelang 2028.

"Bagaimanapun, populasi penyu ketika ini khususnya spesies agar sedang menunjukkan pemuliharan yang amat baik dengan peningkatan pendaratan sekitar 10 hingga 30 peratus setiap tahun," katanya kepada *Sinar Harian*.

Jelas Mohd Uzair, pada ketika ini Malaysia masih mempunyai takungan genetik iaitu lokasi atau kawasan yang membolehkan spesies tersebut membiak.

Ujarnya, takungan genetik membolehkan penghasilan induk penyu yang mempunyai kepelbagaiannya tinggi, sekali gus membantu meningkatkan keberangkalian untuk lari daripada dimakan oleh haiwan pemangsa ketika penyu itu masih kecil.

"Ini juga membuktikan kepentingan mempunyai kawasan penetasan yang banyak, yang dapat mendokong pertumbuhan dan kestabilan populasi penyu negara," katanya.

## Perubahan iklim, hakisan pantai

Dalam pada itu, ekspedisi penyelidikan tersebut turut mengunjungi salah satu kawasan penyu mendarat di Pantai Batu Rakit, Kuala Terengganu bagi melihat sendiri kesan teruk hakisan pantai akibat projek penambakan dan pembinaan benteng pemecah ombak yang menjelaskan pendaratan haiwan marin itu.

Menurut Mohd Uzair, perubahan iklim dan hakisan pantai merupakan dua aspek yang akan menjadi tumpuan penyelidik kerana kedua-dua faktor itu semakin

Sukarelawan menjumpai anak penyu yang sudah menetas ketika aktiviti menggali sarang penyu bertujuan untuk memeriksa keadaan telur haiwan itu sama ada dijangkiti kulat atau tidak.



LAPORAN  
MUKA  
DEPAN

membimbangkan apabila menyebabkan ketidakseimbangan kepada kitaran jantina penyu.

"Kesan daripada perubahan iklim mengakibatkan peningkatan paras air laut hingga pantai yang menjadi sarang penyu semakin kurang. Cuaca panas pula menghasilkan lebih banyak peratusan penyu betina berbanding jantan.

"Hakisan pantai juga antara isu yang merisaukan kerana berkait dengan ketidakupayaan pantai kita untuk menampung aktiviti persarangan penyu," katanya.

Jelas beliau lagi, hakisan dan projek tambak pantai pulak menyebabkan penyu terpaksa mencari pantai berpasir lain untuk bertelur.

## Nelayan asing kelar leher penyu tersangkut pukat

SHAH ALAM - Peningkatan penemuan bangkai penyu terdampar di pantai negara ini membimbangkan apabila sebanyak 72 ekor direkodkan tahun lalu berbanding 51 ekor pada 2021.

Pakar hidupan marin daripada Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Profesor Madya Dr Mohd Uzair Rusli berkata, siasatan mendapati berlaku unsur khianat terhadap haiwan laut itu berdasarkan kesan kelar pada leher.

"Pihak kami percaya ia dilakukan oleh nelayan terutama warga asing bagi menyelamatkan pukat mereka daripada rosak."

"Mereka bunuh penyu yang tersangkut kerana kebiasaan penyu akan merontong diri untuk melepaskan diri, maka cara paling mudah adalah membunuh haiwan ini," katanya kepada *Sinar*

Harian.

Tambah Mohd Uzair, keadaan tambah meruncing apabila nelayan tempatan kini didapati menggaji warga asing untuk aktiviti menangkap ikan di laut.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan kerajaan memberi tumpuan mempertingkat penggunaan teknologi penangkapan lebih canggih bagi mengurangkan kebergantungan kepada nelayan asing.

"Jika peralatan tangkapan kita usang, pukat ini juga berisiko tenggelam dan terus kekal di dasar laut.

"Jadi sudah tiba masa kita ambil solusi jangka panjang untuk jaga khazanah laut," kata beliau.



Keadaan ibu penyu yang dibelah dijumpai di Pulau Kapas, Terengganu pada Mei 2021.

# Plastik warna hitam ancam penyu jantan

Proses mengeram pada haba tinggi hasilkan lebih banyak penyu betina

SHAH ALAM

Pencemaran sampah marin khususnya plastik berwarna hitam di pantai memberi ancaman yang boleh menyebabkan gangguan kepada proses penggeraman telur penyu di Terengganu sekali gus mengancam populasi penyu jantan.

Ketua Makmal Penyelidikan Luar, Institut Oseanografi dan Sekitaran, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Profesor Madya Dr Mohd Uzair Rusli berkata, lebih 1.5 kilogram sampah dibuang oleh setiap 22.9 juta penduduk Malaysia yang menetap di perairan pantai pada setiap hari.

"Jaringan sejauh 244 kilometer dan 52 pantai bagi sarang penyu di Terengganu berdekatan Laut China Selatan telah diktasifikasi sebagai salah satu kawasan tercemar dengan mikroplastik atau plastik kecil bersaiz kurang lima milimeter.

"Seterusnya dianggarkan kira-kira 0.14 hingga 0.37 juta tan metrik sampah pula dialirkan ke laut pada setiap tahun sama ada secara sengaja mahupun tidak.

"Ia sekali gus menjadikan Malaysia negara kelapan daripada 49 keseluruhan negara Asia penyumbang kepada pencemaran sampah marin," katanya.



Seorang sukarelawan mengeluarkan cengkerang ketika proses pembersihan sarang penyu yang telah menetas.

kepada *Sinar Harian*.

Mohd Uzair berkata, perkara tersebut membimbangkan kerana plastik mempunyai keupayaan menyerap dan menyimpan haba yang lebih tinggi.

Jelasnya, ia akan memberi kesan buruk kepada pertumbuhan jantina anak penyu yang dibuat melalui suhu penggeraman.

"Mikroplastik yang terdapat di sarang penggeraman telur penyu akan menjadikannya lebih panas khususnya yang berwarna hitam. Ia juga diketahui mampu menyerap haba dengan lebih tinggi."

"Lebih mengejutkan, plastik yang berwarna hitam paling banyak dijumpai dan mengukuhkan lagi keimbangan

kami," ujarnya.

Beliau menambah, selain plastik, isu pemanasan global juga akan menyebabkan penghasilan induk jantan adalah sifar.

"Ini akan menyebabkan ketidakstabilan nisbah jantan kepada betina dalam populasi spesies terancam ini," katanya.

Sehubungan itu, jelas Mohd Uzair, UMT telah mengambil inisiatif memulakan kajian garis data asas untuk menentukan kadar taburan pencemaran mikroplastik.

"Empat pantai sarang penyu terpilih dan dicapati kawasan di utara Setiu lebih tercemar dengan sisa plastik berbanding Kerteh di selatan," kata beliau.

## Peniaga degil jual telur penyu sorok-sorok



Bukti masih terdapat penjualan telur penyu di sebuah pasar basah dan kering di Kuala Terengganu.

KUALA TERENGGANU - "Jangan bising-bising, nak beli telur penyu kena diam-diam," kata seorang peniaga di sebuah pasar barang basah dan kering yang menjadi tumpuan ramai di sini.

Tinjauan *Sinar Harian* mendapati penjualan telur penyu masih berlaku walaupun aktiviti berkenaan dilarang sejak tahun lalu.

Jika sabit kesalahan, individu terbabit berdepan denda RM50,000 hingga RM250,000 atau penjara setahun bagi kesalahan menjual telur dan mengganggu penyu.

Cubaan *Sinar Harian* untuk melihat telur penyu yang dijual itu membawa hasil apabila seorang peniaga wanita berusia lingkungan 50-an menunjukkan beberapa bungkus yang diletakkan di bawah meja niaga.

Dianggarkan sebanyak 50 biji telur penyu dibungkus dalam dua lapis plastik berwarna merah dan hitam.

Peniaga terbabit mahu segera menjual dengan reaksi wajah sedikit gusar dan melarang sebarang gambar dirakam.

"Ramai lagi yang cari telur penyu, tapi tak ramai macam dulu. Itu sebab peniaga di sini kena jual juga, tak banyak tapi stok tak putus," katanya.

Seorang lagi peniaga warga tempatan, wanita dalam lingkungan 30-an memaklumkan, peniaga mengehadkan penjualan antara 20 hingga 40 biji berbanding 100 biji sehari sebelum ini kerana bimbang kegiatan mereka dihindu pihak berkusa.

"Kalau ada pengunjung yang bertanya, baru kita jual dalam harga RM7 sebiji. Murah sikit dari dulu RM10 sebiji," jelasnya.

## INFO PENYU DI MALAYSIA

### PENYU BELIMBING

- Spesies penyu terbesar di dunia
- Cangkerang karapasnya mempunyai tujuh rabung memanjang
- Saiz: 130sm - 250sm
- Berat: 300kg - 900kg
- Jenis makanan: Obor-obor
- Muslim bertelur: Mac - Ogos (Pantai Timur Semenanjung)
- Telur dihasilkan: 60-120 biji
- Pengeraman: 65 hari



### PENYU KARAH

- Mempunyai paruh menyerupai burung helang
- Corak sisik karapas bertindih
- Mempunyai lebihan pada hujung karapas berbentuk tajam.
- Saiz: 70sm - 90sm
- Berat: 35kg - 75kg
- Jenis makanan: Batu karang, span, obor-obor, anemon laut
- Muslim bertelur:

  - Sepanjang tahun (Pantai Barat Semenanjung)
  - Mac-September (Pantai Timur Semenanjung)

- Telur dihasilkan: 70-60 biji
- Pengeraman: 60-70 hari



### PENYU LIPAS

- Spesies penyu terkecil di Malaysia
- Karapas berwarna kehijauan atau kelabu
- Saiz: 35sm - 60sm
- Berat: 35kg - 50kg
- Jenis makanan: Udang, obor-obor, ketam dan siput
- Muslim bertelur:

  - Sepanjang tahun (Pantai Barat Semenanjung)
  - Mac-September (Pantai Timur Semenanjung, Sabah dan Sarawak)

- Telur dihasilkan: 110 biji
- Pengeraman: 52-58 hari



### PENYU AGAR

- Sepasang sisik di kepala
- Karapas berwarna hijau keperangan
- Saiz: 80sm - 150sm
- Berat: 110kg - 270kg
- Jenis makanan: Alga, obor-obor, rumput laut
- Muslim bertelur:

  - Mac dan Jun (Pantai Barat Semenanjung)
  - Januari-Oktoper (Pantai Timur Semenanjung)
  - Sepanjang tahun di Sabah dan Sarawak

- Telur dihasilkan: 100-140 biji
- Pengeraman: 45-70 hari



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/7/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	10

# Buat kajian tingkat hingga 400 biji padi setangkai

**PETALING JAYA:** Penyelidikan dan pembangunan (R&D) benih padi supaya menghasilkan 300 hingga 400 biji dalam satu tangkai adalah antara usaha yang perlu diberi keutamaan bagi meningkatkan pendapatan pesawah dan keterjaminan makanan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (Pesawah), Mohd. Fuad Yaacob berkata, Malaysia mempunyai tanah yang terhad yang mana banyak kawasan sawah kini dibangunkan kilang dan kawasan perumahan.

“Kerajaan perlu memainkan peranan membuat kajian memperbanyak benih padi supaya pesawah dapat tingkatkan hasil lebih-lebih lagi sebelum tibanya musim tengkujuh.

“Bendang kini semakin mengecil dan berkurang. Dengan kajian dan idea ini, kami percaya hasil pengeluaran tanaman padi dapat ditingkatkan pada masa akan datang sekali gus membantu menambah pendapatan pesawah,” katanya ketika dihubungi.

Terdahulu, kerajaan dilaporkan memerlukan RM3 bilion bagi meningkatkan infrastruktur tanaman padi di negara ini termasuk dalam kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) bagi menambah pendapatan pesawah dan keterjaminan makanan.



**Kerajaan perlu memainkan peranan dalam membuat kajian memperbanyak benih padi supaya pesawah dapat meningkatkan hasil.”**

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, pelbagai program direncanakan antara Smart Sawah Ber-skala Besar (Smart SBB) dan penanaman padi lima musim dalam tempoh dua tahun yang sudah dilaksanakan projek rintisnya sebelum ini.

Sementara itu, menurut Mohd. Fuad berharap peningkatan infrastruktur tanaman padi disegerakan pelaksanaannya kerana mendakwa terdapat sejarah yang mana peruntukan yang diumumkan tidak sampai kepada pihak-pihak terlibat.

“Macam sebelum ini umum peruntukan tapi tidak sampai. Saya harap lepas ini sampailah peruntukan kepada pesawah dan pihak berkenaan,” ujarnya.

Oleh Zuliaty Zulkifli  
am@hmetro.com.my

**Sungai Petani**

**M**ini Karnival Usahawan Desa (KUD) @Sungai Petani yang berlangsung di Dataran Amanjaya selama tiga hari bermula 14 Julai hingga 16 Julai lalu menarik minat lebih 30,000 orang.

Jumlah kutipan yang diperolehi sepanjang tiga hari itu mele过asi sasaran RM200,000.

Kebanyakan pengunjung berpuas hati dan berharap program itu dapat diteruskan kerana banyak memberi manfaat terutama dalam memasarkan produk desa dan tempatan.

Pengunjung, Mabsuri Khalil, 59, dari Tikam Batu berkata, hasil jualan produk yang dijual di sini dengan harga murah dan berpatutan untuk semua peringkat usia.

Katanya, dia yang datang seawal jam 10 pagi bersama anak, menantu dan cucunya untuk melihat produk yang dijual oleh usahawan tempatan.

"Semua produk yang dijual berkualiti dan mampu dibeli termasuk menggunakan kupon yang diberi secara percuma oleh pengajar," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Siti Fatimah Ahmad, 40, dari KEDA Sungai Tok Pangang di sini, berkata, program ini sangat bagus dan perlu dianjurkan setiap tahun.

Katanya, selain membeli barang makanan dan pakaian, pengunjung boleh melihat haiwan ternakan di laman ternakan atau mini

**MINI KUD@ SUNGAI PETANI**

# PLATFORM USAHAWAN DESA PASARKAN PRODUK



PELATIH Giat Mara Alor Setar turut menyediakan perkhidmatan gunting rambut Rahmah RM5 seorang sepanjang tiga hari karnival berlangsung. - Gambar NSTP/ZULIATY ZULKIFFLI

zoo yang disediakan di sini.

"Seronok jugak dapat tengok sendiri barang keleluaran usahawan sekali gus dapat membantu peniaga menjana pendapatan," kata-

nya.

Sementara itu, di gerai Pusat Giat Mara Alor Setar pada perkhidmatan gunting rambut RM5 seorang disediakan untuk pengunjung sepanjang tiga hari karnival bermula.

Pengurusan Giat Mara Alor

Setar, Rosliza Othman berkata, promosi harga murah itu hanya boleh didapati sepanjang tiga hari program berlangsung.

Beliau berkata, namun perkhidmatan gunting rambut itu hanya disediakan untuk pengunjung lelaki sahaja tanpa mengira peringkat usia.

"Seramai enam pelatih dari Pusat Giat Mara Alor Setar mengendalikan program gunting rambut Rahmah ini dengan menggunakan ke-

maihan yang ada untuk menggunting rambut.

"Ini sekali gus dapat membantu jana ekonomi selain memberi pengalaman pada pelatih yang terabit untuk menunjukkan kemahiran dan pengalaman mereka.

"Selain itu, ia dapat menjimatkan kos terutama yang mempunyai anak-anak ramai kerana biasanya harga gunting rambut pada ketika ini sekitar RM10 seorang," katanya.

Rosliza berkata, setiap pelatih mempunyai pengalaman belajar sekitar enam bulan menjalani latihan teori dan praktikal di pusat giat mara itu sebelum berani menggorak langkah untuk menggunting rambut pelanggan.

Kesemua mereka adalah pelatih Kursus Seniureka Gaya Rambut.



ZAFLIN (kiri) bersama usahawan KUD di Mini Karnival Usahawan Keda (KUD)@ Sungai Petani di Dataran Amanjaya.



MAHSURI

rambut mengikut cita rasa + pelanggan," katanya.

Sementara itu, penternak lembu, Mohd Faris Ishak, 22, berkata, lembu peliharaannya yang diberi nama 'Rambó' seberat 950 kilogram (kg) dari baka German turut dibawa ke mini karnival berkenaan untuk jualan.

Katanya, selain Rambo, lembu diberi nama Mat Sal-leh seberat 1,000kg jenis baka Charolais turut menarik perhatian pengunjung serta 'Ismail' seberat 500kg.

"Sejak dia lahir hingga sekarang beratnya sudah mencelik lebih pook."

"Ia seekor lembu yang baik dan cuma makan rumput kering, napier dan dedak," katanya yang menetap di Perlis.

Setiausaha Bahagian Pembangunan Usahawan Desa, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, Zaflin Pakwanter berkata, program Mini KUD@ Sg Petani sebagai platform untuk usahawan desa meneroka peluang pasaran baharu yang lebih luas.

Katanya, dia bersyukur kerana perkhidmatan menggunting rambut sepanjang karnival ini berlangsung yang memberi pulangan rezeki yang lumayan serta menguntungkan.

"Sepanjang belajar di Pusat Giat Mara di Alor Setar, saya belajar semua teknik menggunting rambut, mencuci serta pelbagai gaya



MOHD Faris membawa lembu ternakannya yang diberi nama Rambo untuk jualan.